

16/10/2001

Malaysia kemuka kebimbangan serangan Amerika secara rasmi

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia hari ini mengemukakan secara rasmi kebimbangannya mengenai serangan Amerika Syarikat ke atas Afghanistan yang mengorbankan ramai orang awam, kepada anggota Kabinet Presiden George W Bush.

Kebimbangan itu dikemukakan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada utusan khas Bush, Robert Zoellick yang juga Wakil Perdagangan Amerika Syarikat di Wisma Putra, di sini.

Bercakap pada sidang akhbar selepas pertemuan itu, Syed Hamid berkata, beliau memberitahu penasihat dasar perdagangan Bush itu mengenai kebimbangan terhadap tindakan ketenteraan Amerika yang mungkin menimbulkan tindak balas negara Islam lain.

"Ini bukan kerana mereka (negara Islam) tidak bersama Amerika menentang pengganas tetapi kebimbangan mengenai tindakan ketenteraan akan menyebabkan ramai orang awam menderita.

"Kita juga bimbang mengenai gambaran salah mengenai Islam berikutan serangan 11 September lalu yang menyebabkan kira-kira 6,000 orang terbunuh tetapi tragedi itu juga mengorbankan kira-kira 500 orang Islam," katanya.

Beliau berkata, Zoellick memberitahu bahawa Bush tidak mahu peperangan itu dilihat sebagai peperangan antara Islam dan Barat, tetapi lebih kepada peperangan terhadap pengganas, dan Malaysia menghargai penjelasan itu.

"Zoellick datang ke sini untuk bertukar pandangan. Bila jumpa saya, perkara pertama yang disampaikan ialah penghargaan Amerika kepada kerjasama serta sokongan diberikan oleh Malaysia.

"Beliau memberitahu mengenai tindakan Amerika terhadap pengganas dan Malaysia melahirkan sokongannya dan memberi jaminan bahawa kita akan terus memberi kerjasama dalam usaha antarabangsa menentang keganasan," katanya.

Syed Hamid berkata, Zoellick mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengutuskan surat kepada Presiden Bush atas sokongan serta pandangan Perdana Menteri mengenai isu keganasan.

Katanya, mereka menghargai pandangan Dr Mahathir dan kedua-duanya akan melanjutkan perbincangan apabila bertemu sempena sidang Apec di Shanghai 20 Oktober ini.

Mengenai cubaan pihak tertentu untuk merenggangkan hubungan antara Malaysia yang dianggap sebuah negara Islam sederhana, dengan Amerika, beliau berkata kempen terhadap keganasan diharap tidak menjejaskan kestabilan di negara Islam yang sederhana.

Sementara itu, Zoellick berkata hubungan Amerika Syarikat dan Malaysia tidak akan terjejas walaupun Malaysia mengkritik tindakan negara itu dan sekutunya menyerang Afghanistan.

Zoellick berkata, kerajaannya bagaimanapun menghargai simpati yang diberikan oleh kerajaan Malaysia berikutan tragedi 11 September di New York dan Washington.

"Kami faham kerajaan negara ini sedang menghadapi tekanan dan ada banyak kesukaran sedang dihadapi Malaysia ketika ini. Sesungguhnya, kami sangat menghargai simpati yang diberikan," katanya.

Zoellick berkata, sebagai negara Islam yang berjaya, pencapaian Malaysia wajar dijadikan contoh.

Katanya, sebagai negara Islam, Malaysia mampu membangunkan model ekonomi yang dapat diketengahkan di peringkat antarabangsa.

(END)